

12 OCT 2003

OIC-Ekspo/I

EKSPLO OIC PLATFORM UNTUK MEMPROMOSI PERDAGANGAN ANTARA NEGARA ANGGOTA

Oleh: Jamaluddin Muhammad

PUTRAJAYA, 12 Okt (Bernama) -- Ekspo OIC 2003 yang menarik penyertaan lebih daripada 600 syarikat termasuk dari negara bukan anggota di sini, menyediakan platform dalam meningkatkan perdagangan di kalangan 57 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Empat negara bukan anggota yang mengambil bahagian -- Perancis, China, Taiwan dan Korea Selatan -- telah menghantar lebih daripada 30 syarikat.

Dianjurkan oleh F&R Exhibition and Conference Sdn Bhd, ekspo itu di Presint 5, diadakan dari 14 hingga 19 Okt sempena Sidang Kemuncak OIC ke-10 di sini.

Pengarah Eksekutifnya Datuk Rosle Jaamat berkata pendidikan, pelancongan, makanan, minyak dan gas adalah antara produk dan perkhidmatan yang akan ditonjolkan pada ekspo itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan ekspo itu pada Isnin, yang pertama seumpamanya, sejak penubuhan OIC pada 1969.

Di antara pempamer utama adalah Qatar dengan 90 syarikat diikuti Iran dengan 70 syarikat, katanya kepada Bernama.

Rosle berkata kekurangan promosi perdagangan di kalangan negara anggota adalah punca kenapa perdagangan di kalangan mereka di tahap yang rendah berbanding dengan negara bukan Islam.

Kira-kira 100,000 pengunjung, termasuk pelawat perdagangan, dijangka melawat ekspo itu.

Dengan dua bilion jumlah penduduk, katanya prospek untuk meningkatkan perdagangan di kalangan negara anggota adalah amat besar.

"Malaysia boleh menjadi satu pusat perdagangan dan perniagaan yang penting bagi negara Islam dan beberapa pempamer yang saya temui telah memperakui perkara ini," katanya.

Dalam bidang pendidikan, katanya, 26 institusi pendidikan tinggi awam dan swasta akan mempamerkan perkhidmatan mereka pada ekspo itu sebagai langkah untuk menarik pelajar asing.

Selain itu, ekspo berkenaan juga akan mempamerkan kesenian dan artifak Islam bertarikh sehingga 500 tahun yang lampau.

Rosle berharap ekspo sedemikian boleh diadakan dua tahun sekali untuk meningkatkan promosi perdagangan dan perniagaan di kalangan negara anggota.

-- BERNAMA

JM MKO RON